

VARIA! 2

# Orang Malaysia perlu lebih kreatif

Oleh YENG AI CHUN  
[yachun@kosmo.com.my](mailto:yachun@kosmo.com.my)

**SENARIO:** Kathy ada hati pada Irwan dan jejak akacik itu mengetahui isi hati Kathy. Irwan walaupun sudah mempunyai kekasih tetapi melayan Kathy. Pada mulanya hubungan cinta tiga segi ini berjalan lancar. Pun begitu lama-kelamaan sikap Irwan semakin dingin terhadap Kathy. Irwan cepat naik angin, selalu meninggikan suara dan memberi janji kosong kepadaannya. Kathy bersara sangat sedih dan kecewa. Patutkah Kathy terus menaruh harapan terhadap Irwan atau terus saja meninggalkan lelaki itu?

Semua ini memerlukan Kathy berfikir dengan wajar tentang langkah yang patut diambil olehnya. Adakah Kathy akan mengikut perasaannya untuk terus bersama Irwan walaupun dilayan dengan buruk atau Kathy mampu mengawal perasaannya dengan memikirkan buruk baik meneruskan perhubungan itu. Keputusan yang akan dibuat oleh Kathy ada kaitan dengan kepintaran emosinya (EQ).

Mengikut Profesor Dr. Leonard Yong, EQ merupakan kebolehan untuk merasa, memahami dan mengaplikasikan kuasa sebalik emosi dalam hidup kita sehari-hari. EQ berpuncak daripada emosi, perasaan, gerak hati. Malah, ia bukan sesuatu yang hanya boleh dirasional secara intelek. "Untuk mengaplikasikan EQ secara betul, kita seharusnya memahami dan menghargai perasaan dan emosi diri sendiri dan orang lain," kata Yong, pencipta Inventori Memprofil Sahsiah Personaliti Leonardi (LPI), iaitu satu kaedah untuk memprofili dan mengenal pasti kecenderungan kelakuan individu.

Menurut Yong, LPI dapat membantu individu memahami gaya dan kelakuan masing-masing, seterusnya mengatur strategi bagi mengatasi kelemahan diri, memahami kelakuan dan motivasi orang lain, menghargai mereka dan juga memupuk semangat berpasukan dalam sesebuah organisasi.

"EQ menekankan cara memberi reaksi yang betul kepada setiap rangsangan persekitaran. Ini ditekankan supaya kita dapat menggunakan pemahaman kita tentang emosi secara berkesan dalam

**Ciri-ciri orang Jepun adalah ONA iaitu terbuka, berkecuali dan analitikal. Itulah sebabnya mereka pakar dalam kreativiti yang terperinci**

hidup kita sehari-hari. Kepintaran emosi merupakan pendorong kepada individu untuk berusaha ke arah mencapai matlamat hidup dan aspirasinya. Ia mengubah apa yang difikirkan oleh kita kepada cara kita hidup."

LPI telah dijalankan ke atas ribuan individu dari Asia, Eropah, Australia dan New Zealand. LPI telah mengenal pasti 26 ciri personaliti seperti penghayal kreatif, pakar berkecuali, pemikir analitikal, rakan peramah, pengadi yang tegas dan lain-lain.

Yong yang pernah mengajar di Universiti Malaya dan kini menjalankan bisnes khidmat runding berkata, ujian itu adalah satu alat kajian saintifik dan ketepatannya pada tahap 95 peratus.

Yong juga dianugerahkan Japan Foundation Research Fellowship Award pada tahun 1993 untuk menjalankan kajian mengenai personaliti Jepun yang kreatif. Menurutnya, ciri-ciri orang Jepun adalah ONA (terbuka, berkecuali dan analitikal). Itulah sebabnya mereka pakar dalam kreativiti yang terperinci. Katakan mereka membeli sebuah paten daripada orang Amerika pada harga RM1 juta, mereka akan memperbaiki barang itu menggunakan sifat mereka yang terbuka kepada idea dan analitikal. Hasilnya, mereka boleh menjual barang itu 500 kali ganda lebih tinggi daripada nilai asal. Pemikiran seperti inilah yang membantu rakyat Jepun mencapai tahap mereka sekarang.

Sebelum itu pada 1992 Yong juga



DR. LEONARD YONG

dianugerahkan Fulbright-ACLS/MACEB Award kerana menjalankan kajian pasca ijazah kedoktoran ke atas kreativiti rakyat Amerika. "Orang Amerika pula berani memandang sesuatu di depan mata," katanya.

Bagaimana pula dengan orang Malaysia?

"Setelah banyak kajian dijalankan, kita mendapat bahawa secara umum orang Malaysia perlu menjadi lebih kreatif. Kita ini tidak cukup kreatif. Ciri N (bersisfat berkecuali) dimiliki oleh lebih daripada 50 peratus rakyat Malaysia. Orang dalam ciri N biasanya mempunyai sifat yang sangat bertolak ansur dan boleh mengadaptasi dengan baik. Tetapi kita juga mempunyai faktor N yang negatif seperti takut mencuba dan tidak mempunyai keyakinan diri, walaupun rakyat Malaysia adalah orang yang baik hati."

"Faktor N juga membuat orang mudah berpuas hati dan mempunyai sikap 'biarkan saja'. Kalau ada sampah di merata-rata tempat,

mereka merungut tetapi tidak berbuat apa-apa untuk mengatasinya," kata Yong.

Yong bagaimanapun kagum dengan sifat AOD yang dimiliki bekas perdana menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad.

"Dia suka meneliti banyak perkara, sengaja mencuba benda yang baru dan berani membuat keputusan. Ini telah memberi Malaysia satu kejayaan yang mengagumkan. Di peringkat tertinggi, jika seseorang pemimpin menggunakan ciri-ciri AOD ini, kita akan mendapat kepimpinan yang inovatif," jelasnya.

Yong kini terlibat dalam pertandingan Nescafe 'Kick Start', satu rancangan TV realiti yang memberi peluang kepada peserta untuk menukar impian kerjaya mereka kepada kenyataan. Kesemua peserta dikehendaki mengambil ujian EQ yang dicipta oleh Yong.

• Jika ingin tahu personaliti anda, sila jawab set soalan di laman web [www.leonard.com](http://www.leonard.com). Bayaran yang dikenakan ialah RM135.